

Undang Luak Rembau Ke-21 Adat dan Istiadat Perlantikan

UNDANG LUAK REMBAU KE-21 ADAT DAN ISTIADAT PERLANTIKAN

Oleh: Norzali Hj. Ibrahim

Pendahuluan

Orang Biduanda ialah suku asal luak Rembau. Mengikut sejarahnya, Orang Asli suku kaum Jakun, selepas menerima kedatangan orang Sumatera telah hidup bersama mereka dalam tempoh masa yang lama. Akhirnya Orang Asli Jakun tersebut telah memeluk agama Islam. Orang Sumatera, kaum perantau telah menamakan Orang Asli Jakun itu biduanda yang bermaksud saudara baru Islam.

Pengurniaan gelaran tersebut ada kaitan dengan perlantikan Si Rama sebagai Penghulu Rembau yang pertama. Si Rama ialah cucu kepada Batin Sekudai, ketua Orang Asli di Rembau ketika itu. Beliau merupakan anak kepada Datuk Bungkal yang berkahwin dengan Datuk Lela Balang. Datuk Lela Balang ialah orang bergelar Sumatera yang telah datang ke Rembau pada sekitar tahun 1515/16. Datuk Bungkal pula menjadi anak angkat kepada Datuk Leteh, pembesar Sumatera yang awal datang ke Rembau iaitu dalam tahun 1490-an. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan empat orang anak; tiga orang perempuan dan seorang lelaki iaitu Si Rama yang merupakan anak bongsu.

Memandangkan kepesatan pertambahan penduduk di Rembau, Datuk Leteh, pada sekitar tahun 1530-an menyarankan agar Rembau mempunyai seorang pemimpin dan sistem pemerintahan yang tersendiri, sungguhpun ketika itu Rembau di bawah naungan kerajaan Johor (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:75). Di atas kebulatan kata, Datuk Leteh dan Datuk Lela Balang serta penduduk Rembau telah bersetuju melantik Si Rama sebagai Penghulu. Pencalonan ini dibuat berdasarkan si Rama ialah cucu kepada Batin Sekudai, ketua Orang Asli di Rembau dan anak kepada orang bergelar Sumatera. Mereka berharap dengan perlantikan tersebut, Si Rama akan menjadi lambang negeri Rembau buat masa itu dan akan datang.

Datuk Lela Balang dan Datuk Laut Dalam telah pergi menghadap Raja Johor pada tahun 1540 bagi mendapat pengiktirafan perlantikan tersebut daripada Raja Johor, Sulat Alauddin Riayat Shah (1527-1564) di Johor Lama (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:75). Ketika menghadap sultan hanya Datuk Lela Balang sahaja

yang pergi, sedangkan Datuk Laut Dalam tinggal dan menjaga perahu. Raja Johor telah memperkenankan permintaan Datuk Lela Balang itu. Di atas perkenannya, sultan telah mengurniakan gelaran Lela Maharaja kepada penyandang pusaka Penghulu Rembau.

Datuk Laut Dalam tidak berpuas hati dengan berita yang telah disampaikan oleh Datuk Lela Balang kepada rombongannya. Beliau juga mahukan keturunannya menjadi Penghulu Rembau. Bagi mengelakkan pertelingkahan berpanjangan, Datuk Lela Balang dan Datuk Laut Dalam telah kembali menghadap sultan serta mempersembahkan tuntutan Datuk Laut Dalam. Setelah dibincangkan dan dipertimbangkan tuntutan tersebut, sultan telah memperkenankan permohonan Datuk Laut Dalam itu. Sultan mencadangkan agar Si Rama dinikahkan dengan anak perempuan Datuk Laut Dalam. Anak lelaki hasil pernikahan tersebut akan dilantik menjadi Penghulu selepas Datuk Lela Maharaja Si Rama. Sultan juga telah mengurniakan gelaran Sedia Raja kepada keturunan Datuk Laut Dalam. Semenjak itu, penyandang pusaka Penghulu Rembau dipilih secara bergilir antara dua waris tersebut, waris Lela Maharaja dan waris Sedia Raja.

Undang Rembau Ke-20 Meninggal Dunia

Pada 8 September 1998 Datuk Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau ke-20 telah kembali ke rahmatullah di kediaman rasminya di Sri Andika, Kampung Senama Baru, Rembau, setelah menyandang pusaka Undang Rembau selama 35 tahun (1963-1998). Oleh sebab penyandang pusaka Undang Rembau ke-20 itu daripada suku Biduanda waris Sedia Raja, Kampung Bukit maka penyandang pusaka undang ke-21 mengilir pula kepada suku Biduanda waris Lela Maharaja. Setelah kebulatan kata, maka pada 21 November 1998, Datuk Purba Yahaya bin Abd. Ghani telah mengisytiharkan Datuk Syahbandar Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman sebagai penyandang pusaka Undang Luak Rembau ke-21.

Datuk Syahbandar Haji Muhamad Sharif adalah daripada suku Biduanda waris Lela Maharaja Kampung Tebat. Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah dikerjankan sebagai Undang Luak Rembau ke-21 pada 2 Disember 1998 di Kampung Sepri, Rembau. Pada 27 Februari 1999, Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah melakukan istiadat menyalang Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di Seri Menanti. Istiadat menyalang tersebut disempurnakan dengan penuh adat istiadat kebesaran Undang Luak Rembau.

Gelaran Penghulu bagi ketua tadbir luak Rembau telah diguna pakai sehingga April 1898 iaitu dalam masa pemerintahan Penghulu Rembau ke-16, Datuk Sedia Raja Serun bin Sidin (1883-1905). Ketika itu Rembau di bawah pemerintahan Inggeris. Bertitik tolak dari tarikh tersebut, sehinggalah ke hari ini, penyandang pusaka adat tertinggi di Rembau disebut sebagai Datuk Undang Luak Rembau.

Mendirikan Adat

Sebelum upacara pengkebumian disempurnakan, tepat jam 8.30 pagi, Orang Besar Undang, Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai Lapan Kampung, datuk-datuk lembaga yang lain serta buapak Suku Batu Hampar Petani, suku isteri allahyarham, telah mengadakan satu majlis mendirikan adat.



Datuk Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharif bin Hj. Othman, Undang Luak Rembau ke-21 pada hari adat istiadat kerjan

Dalam luak Rembau, setiap kematian penyandang pusaka, sama ada pusaka undang, lembaga, besar undang atau buapak, sebelum upacara pengkebumian dijalankan, pusaka yang disandang oleh si mati hendaklah diturunkan dahulu. Selepas diturunkan baha-rulah jenazah boleh dikebumikan. Jika pusaka tidak diturunkan, bermakna pusaka itu dikebumikan bersama; dan keadaan ini diistilahkan sebagai "telah terbenam". Berikutan dengan itu pusaka berkenaan dianggap "terputus" dan tidak boleh dicari penggantinya. Penggantinya hanya boleh dicari setelah pusaka yang terbenam tersebut ditimbulkan oleh orang yang punya pusaka. Pemilik pusaka di Rembau ialah orang perempuan. Usaha menimbulkan kembali pusaka yang terbenam adalah dalam tangan Ibu Soko, perempuan yang tertua dalam suku penyandang.

Dalam majlis mendirikan adat tersebut, Orang Besar Undang Lapan Kampung, Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai, datuk-datuk lembaga yang lain serta Besar Dalam Waris telah berkebulatan bahawa pusaka undang diturunkan daripada Allahyarham Datuk Haji Adnan serta diletakkan di bawah jagaan amanah dan tanggungjawab Datuk Purba Yahaya bin Abd. Ghani. Datuk Purba akan memegang amanah tersebut sehingga hari pengisytiharan penyandang pusaka yang baru dibuat. Mengikut Perlembagaan Adat Rembau, apabila seseorang Undang meninggal dunia, tidak ada jawatan pemangku. Pengganti penyandang pusaka Undang Luak Rembau boleh diisytiharkan pada masa dan hari kematian atau pengkebumian undang yang memerintah. Bagi melicinkan proses pengambilalihan pusaka nan bergilir, penggantinya boleh dibuat bila-bila masa selepas hari berkenaan, setelah benih yang dicari dan disediakan oleh Datuk Purba, mendapat kebulatan. Adat Rembau mengatakan:

*Patah tumbuh hilang berganti
Sehari hilang sehari dicari*

Pusaka Bergilir

Sebagaimana pusaka undang ini bergilir dalam lingkungan dua waris suku Biduanda waris Lela Maharaja dan waris Sedia Raja di kalangan setiap waris itu juga bergilir antara empat buah kampung bagi setiap waris. Kampung-kampung yang mengilirkan pusaka ini di kalangan ahli suku waris Biduanda Jawa (waris Sedia Raja) ialah Bukit, Pulau, Tanjung dan Chengkau Tengah. Di dalam suku Biduanda Jakun (waris Lela Maharaja) pula kampung-kampung yang bergilir menyandang pusaka berkenaan ialah Kota, Chengkau, Gadong dan Tebat.

Giliran Waris Tebat Digantung

Berdasarkan senarai penyandang pusaka Undang Rembau (Gambar Rajah 1), kali pertama dan terakhir waris Kampung Tebat menyandang pusaka ini ialah kira-kira 186 tahun yang lalu iaitu apabila Datuk Haji Kosil (1795-1812) dipilih menjadi undang (ketika itu menggunakan gelaran Penghulu) Rembau ke-11. Dalam masa pemerintahannya itu telah timbul kekusutan di kalangan anggota waris sehingga waris suku Biduanda Jakun Kampung Tebat didenda dan digantung daripada menyandangkan pusaka Undang (Pengkulu) Rembau.

Menjernihkan yang Keruh

Permasalahan tersebut telah diselesaikan, dibersihkan dan dijernihkan oleh



Menyampaikan sabda
selepas istiadat kerjan
pada 2 Disember 1998

Datuk Abdullah bin Haji Dahan (1922-1938), Undang Rembau ke-18. Penyelesaian ini telah dimaklumkan kepada Residen Inggeris Negeri Sembilan melalui sepucuk surat, bertarikh 28 November 1932. Pegawai Daerah Tampin¹, R. Irvine telah menerima penyelesaian tersebut melalui suratnya kepada Balai Undang Rembau, bertarikh 30 November 1932 (*lihat No. 2 in D.O.T. 634/32*). Sebulan kemudian, dalam sepucuk surat yang ditandatangani oleh I.W. Blelloch, setiausaha kepada Residen, bertarikh 30 Disember 1932, Residen Inggeris Negeri Sembilan juga menyatakan persetujuan dengan penyelesaian tersebut (*lihat: N.S. Sec. General 2780/1932*).

Bertitik tolak dari tarikh itu berlangsunglah kehendak perbilangan:

*Yang kusut telah diusai kan
Yang jauh telah didekatkan
Yang keruh telah dijernihkan.*

Dengan demikian, waris suku Biduanda (Lela Maharaja) Kampung Tebat dikembalikan hak menyandang pusaka mengikut giliran yang telah diadatkan.

Mencari Benih

Kata perbilangan:
*Bulat air dek pembetong
Bulat kata dek muafakat*

Dek bulat kata, benih bagi penyandang pusaka ke-21 hendaklah dicari daripada waris Kampung Tebat. Tugas mencari dan menyediakan benih terletak di bawah tanggungjawab Datuk Purba Yahaya berdasarkan perbilangan:

*Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Raja*

Dalam menentukan giliran kampung atau lubuk mana benih akan dicari dan di sediakan, pada 16 September 1998, satu kerapatan yang dihadiri oleh Buapak Lapan Kampung telah diadakan di surau Kampung Chenong, Chengkau, Rembau. Setelah mengadakan perbincangan dan melihat salasilah pengiliran pusaka, enam daripada lapan orang buapak telah bersetuju bahawa penyandang pusaka Undang Luak Rembau digilirkan kepada waris Lela Maharaja Kampung Tebat. Pada 3 Oktober 1998 satu lagi kerapatan datuk-datuk lembaga dan buapak telah diadakan di Balai Undang. Dalam kerapatan tersebut tujuh orang buapak bersetuju giliran menyandang pusaka undang di berikan kepada waris Kampung Tebat. Buapak yang menentang itu adalah daripada Perut Kampung Chengkau. Di atas kebulatan tersebut, Datuk Purba telah mencari benih daripada kampung berkenaan. Untuk mendapatkan benih ahli-ahli waris Kampung Tebat telah mengadakan satu kerapatan pada 22 Oktober 1998 bertempat di surau Kampung Tebat.

Pengisytiharan Perlantikan

Pada 21 November 1998, bertempat di Balai Undang Luak Rembau, satu lagi kerapatan telah diadakan. Dek bulat kata kerana muafakat, maka bertepatan jam 10.40 pagi, Datuk Purba Yahaya dengan rasminya mengisytiharkan Datuk Syahbandar Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman, ahli suku Biduanda waris Lela Maharaja, Kampung Tebat sebagai penyandang pusaka Undang Luak Rembau ke-21. Seruan Datuk Purba itu berbunyi:

*Bismillahirrahmanirrahim
Dengan kuasa yang ada pada saya, saya Datuk Sedia Lela² Yahaya
bin Abd. Ghani, Lembaga suku Biduanda waris Dua Carak melantik
dan mengisytiharkan Yang Mulia Datuk Sedia Lela Utama Haji
Muhamad Sharif bin Haji Othman dari suku Biduanda, Lela Ma-
haraja Kampung Tebat menyandang pusaka Undang Luak Rembau*

yang ke-21 bergelar Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman, Undang Luak Rembau ke-21 mulai dari tarikh ini 21 November 1998 hari Sabtu bersamaan 1 Syaaban 1419.

Sebaik sahaja pengisytiharan dibuat, tembakan meriam sebanyak sembilan das telah dilepaskan oleh Pasukan Artileri Askar Melayu Di Raja. Selepas pengisytiharan dibuat Orang Besar Undang, Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai, datuk-datuk lembaga serta Buapak Lapan Kampung merafaq sembah kepada Datuk Undang Luak Rembau ke-21, diikuti oleh dif-dif kehormat negeri dan daerah.


Telapak Ibu

Selepas majlis pengisytiharkan dibuat, Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah di bawa ke telapak ibunya di Kampung Tebat, Chembong. Bapa saudara kepada isteri Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif diadatkan menjemput Datuk lela Maharaja Haji Muhamad Sharif untuk balik ke rumah isterinya di Kampung Sepri dengan membawa tepak sirih dengan diiringi oleh lembaga suku isterinya. Adat menjemput ini sangat penting kerana yang dijemput bukan lagi Haji Muhamad Sharif tetapi Datuk Undang Luak Rembau.

Adat menjemput ini dijalankan oleh semua penyandang pusaka yang baru dilantik di Rembau. Tujuan adat tersebut untuk menambangkan penyandang pusaka yang baru itu di tempat ia menyemenda. 'Menambangkan' di sini bermaksud mele-takkan dengan adat akan gelaran yang baru di-sandang agar di-ketahui oleh rakyat atau anak buah isteri khasnya dan rakyat luak amnya.


Istiadat Kerjan

Istiadat ker-jan³ bermaksud memasyhurkan atau mengisy-



Balai adat yang didirikan khas bagi menyempurnakan istiadat kerjan

tiarkan secara adat yang penuh dengan istiadat ke atas penyandang pusaka undang luak. Dengan demikian istilah kerjan digunakan khas kepada adat istiadat menabalkan atau menobatkan undang. Sehubungan dengan itu, luak Rembau dikenali dengan Tanah Kerjan⁴ dan Seri Menanti dikenali sebagai Tanah mengandung⁵. Istiadat kerjan dilaksana dan disempurnakan di rumah penyandang yang dilantik dalam suasana yang penuh adat istiadat.



Majlis menurunkan kerja istiadat kerjan

Istiadat kerjan Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah ditentukan pada 2 Disember 1998 bersamaan 13 Syaaban 1419. Istiadat kerjan diadakan di kediaman beliau di Kampung Sepri, Rembau.

Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah dibawa ke Balai Adat bersama Toh Puan dengan diiringi oleh juak hulubalang. Datuk Raja Senara Haji Ismail bin Haji Yasin telah menyempurnakan pemasyhuran kerjan dengan menyerukan:

*Bismillahirrahmanirrahim,
Dengar....
Dengar....
Dengar....
Wahai rakyat luak Rembau,
Yang Tua dan yang muda,
Yang besar dan yang kecil,
Yang miskin dan yang kaya,*



Datuk Senara Di Raja Haji Ismail bin Haji Yasin Membacakan pemasyhuran kerja Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman

Lelaki dan perempuan,
Yang berpangkat dan yang melarat sekalian.

Mengikut perbilangan:
Adat dipakai baru
Kain dipakai usang
Bercupak sepanjang bertuang
Beradat sepanjang jalan.

Pada hari ini diumumkan dengan rasminya takhta
Undang Luak Rembau yang ke-21 dikerjankan kepada
Yang Teramat Mulia Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman.

Sesuai dengan perbilangan::

Godang jangan melanda
Panjang jangan melindih
Adat yang tak lekang dek panas
Tak lapuk dek hujan
Dianjak tak layu
Dicabut tak mati
Di mana tanah dipijak
Akar dilangkah
Undang luak yang punya.

Sebaik sahaja pemasyhuran dibuat, Datuk Ngiang telah memukul gong atau canang menandakan rasminya mengikut adat istiadat Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman sebagai Undang Luak Rembau ke-21.



Alat Kebesaran

Petang sebelum istiadat kerjan dijalankan, semua alat kebesaran Undang diturunkan dan ditepung tawar oleh Pawang Undang. Antara lain alat kebesaran termasuklah keris, lembing, tombak, sundang, payung kebesaran serta gong atau canang. Sebuah balai bertingkat juga telah didirikan di sisi rumah dan dihiasi dengan lelangit berwarna kuning sebagai lambang kebesaran Undang Luak Rembau.

Malam sebelum hari istiadat diadakan, Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah mengadakan upacara menurunkan kerja istiadat kerjan

kepada Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai dan datuk-datuk lembaga yang lain. Adat istiadat kerjan di ketuai oleh Datuk Purba sebagai Lembaga waris Nan Dua Carak.

Alat Kebesaran Undang Luak Rembau di hadapan balai adat



Alat kebesaran Undang Luak Rembau

Istiadat Merafaq Sembah Kasih


Sebaik sahaja pemasyhuran kerjan disempurnakan, diadakan istiadat merafaq sembah kasih kepada Datuk Undang. Istiadat menyembah diketuai oleh Datuk Purba Yahaya dengan diikuti oleh Orang Besar Undang, Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai, datuk-datuk lembaga dan Buapak Lapan Kampung serta isteri masing-masing. Turut merafaq sembah kasih ialah ibu soko Waris Nan Dua Carak.

Danau Sisik Emas

Setiap penyandang pusaka Undang Rembau yang baharu dilantik diwajibkan menziarah sebuah danau yang dikenali dengan Danau Sisik Omeh (Emas) yang terletak di Kampung Sawah (Sawar) Raja. Di samping itu sebagai satu penghormatan, Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah berkunjung ziarah ke makam Undang Luak Rembau yang pertama, Si Rama, di Kampung Kota.



Majlis merafaq sembah oleh Orang Besar Undang, Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai, datuk-datuk lembaga, buapak serta ibu soko delapan kampung



Penulis bersama para jemputan khas dan rakyat Rembau

Istiadat Menyalang ke Seri Menanti

26 Februari 1999 (hari Jumaat) merupakan tarikh yang mengulangi kembali nostalgia sejarah dalam perlantikan Undang Luak Rembau yang baru. Pada tarikh tersebut, Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif telah melaksanakan istiadat menyalang ke Seri Menanti. Istiadat menyalang atau mengadap Yang

Dipertuan Besar Negeri Sembilan merupakan istiadat yang menjadi kelaziman kepada setiap penyandang Undang Luak Rembau yang baru untuk memperkenalkan diri. Istiadat menyalang ke Seri Menanti dilakukan dengan berjalan kaki merentas Banjaran Titiwangsa menuju ke Kampung Pasir di Seri Menanti.

Lebih kurang jam 7.30 pagi Orang Besar Undang, Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai, datuk-datuk lembaga serta orang ramai telah berkumpul di telapak kediaman Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif di Kampung Sepri. Selesai bacaan doa, Datuk Undang dengan diringi oleh rakyat bergerak meninggalkan telapaknya menuju ke Kampung Pabai di Miku.



Datuk Undang Luak Rembau di tempat berangguh di Kampung Pabai, Miku, Rembau

Turut mengiringi Datuk Undang ialah pasukan tentera dan polis. Mendahului perjalanan ialah pembawa tetawak (gong). Selepas pembawa tetawak ialah Datuk Syahbandar yang diikuti oleh Datuk Undang yang diapit oleh Datuk Purba dan Datuk Menteri Lela Perkasa serta diiringi oleh pembesar-pembesar adat yang lain. Sampai di Kampung Pabai, perkampungan Orang Asli



Ahli rombongan merentasi Banjaran Angsi melalui Laluan Menyalang Undang Rembau

Miku, Datuk Undang bersama rombongan telah berangguh di balai raya kampung tersebut untuk berehat sementara menanti kedatangan rakyat yang belum sampai. Tepat jam 8.45 pagi, Tuan Kadhi Daerah Rembau telah membacakan doa selamat, sebelum rombongan menyalang memulakan langkah menuju ke Seri Menanti.

Dalam perjalanan rombongan ini telah berhenti di beberapa tempat rehat untuk melepaskan penat. Antaranya Jeram Sendeng dan Jeram Asah Batu. Di Jeram Asah Batu terdapat sebuah batu yang terletak di tengah jeram tersebut. Batu berkenaan digunakan sebagai tempat mengasah senjata. Bagi melengkapkan syarat laluannya Datuk Undang telah mengasah sebilah parang di batu tersebut.



Datuk Undang Luak Rembau di Jeram Sendeng

Ketika perjalanan pemukul tetawak mestilah sentiasa memukul tetawaknya bagi menjadi pedoman laluan agar tidak ada yang tersesat. Dengan kata lain pemukul tetawak merupakan pemandu jalan. Ketika hutan masih dara dahulu, pemukul tetawak atau pemandu jalan ini sangat penting bagi menentukan jalan dan laluan yang hendak diikuti agar semua pengikut rombongan tersebut selamat sampai ke tempat yang dituju.

Pada jam 11.45 pagi semua rombongan istiadat menyalang tersebut sampai di Bukit Tempurung, Kampung Bukit. Ketibaan Datuk Undang di Bukit Tempurung telah disambut oleh Penghulu Kampung Bukit serta dibawa ke rumahnya di Kampung Tobat Gedang. Rumah Penghulu hanya sebagai tempat berangguh bagi melepaskan penat buat seketika. Kemudian Penghulu mesti mengiringi Datuk Undang menuju ke Rumah Telapakan Rembau di Kampung Bukit. Rumah Telapakan Rembau ini ialah tempat persinggahan sebenar. Di rumah ini Datuk Undang dan rombongannya dijamu mengikut istiadat kebesaran Undang Luak Rembau.

Kedatangan Datuk Undang mesti disambut dengan segala kebesaran oleh Buapak Telapakan. Mengikut adat, Datuk Undang tidak boleh singgah di rumah lain, melainkan terus ke rumah Telapakan Rembau. Jika adat ini tidak dituruti, dipercayai sesuatu yang tidak diingini kemungkinan akan berlaku ke atas diri Datuk Undang. Hal ini telah dimaklumkan sendiri oleh pemilik rumah telapakan tersebut. Pemilik rumah Telapakan pindah ke Seri Menanti pada akhir tahun 1720-an dahulu. Raja Melewar, setelah bermalam di Kampung Bukit, telah meneruskan perjalanannya menuju ke Seri Menanti dan beristana di Seri Menanti.

Sebelum berangkat, Raja Melewar telah bersiram di sebuah telaga yang masih terdapat berhampiran dengan rumah Telapakan tersebut. Walau bagaimanapun orang Rembau tersebut tidak meneruskan perjalanan mengikut Raja Melewar ke Seri Menanti, tetapi menetap terus di Kampung Bukit. Keturunannya yang bertanggungjawab sehingga ke hari ini menyediakan segala alat kebesaran apa-bila Undang Luak Rembau yang baharu datang menyalang ke Seri Menanti.




Rumah Telapakan Rembau di Kampung Pasir

Pada pagi 27 Februari 1999 sebelum berangkat menuju ke Seri Menanti, Datuk Undang telah mandi di telaga yang telah disebut tadi. Setelah siap, rombongan tersebut telah menuju ke Istana Besar Seri Menanti dengan diiringi paluan rebana Rembau sehingga sampai ke pintu Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti.

Ketika berada di dalam Balai Rong Seri, Datuk Undang duduk di Seri Raja di Muda dengan diapit oleh Orang Empat Istana kanan dan kiri. Pegawai Yang

Enam, Apit Lempang dan Orang Besar Lingkungan Istana duduk di sebelah kanan dan kiri di hadapan Datuk Undang berdekatan dengan singgahsana. Istiadat menyalang atau menghadap Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan disempurnakan dengan Undang Luak Rembau bertelut dan menjunjung duli tiga kali dari Seri Raja di Muda sambil bergerak




Telaga dipercayai digunakan oleh Raja Melewar untuk mandi sebelum berangkat di Seri Menanti



Datuk Undang menuju ke Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti



Antara hantaran yang dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan



Datuk Undang Luak Rembau ketika melakukan istiadat menyalang Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan



**Datuk Undang Luak Rembau di
Laluan Menyalang bersama
penulis (bertopi merah)**

mencium tangan baginda tiga kali. Selesai mencium tangan, Datuk Undang berundur ke tingkat kelima singgahsana dan mengangkat tangan tiga kali. Di tingkat lima singgahsana, Datuk Undang akan menyembah ucapan setiā. Setelah sempurna segalanya, Datuk Undang terus berundur dan mengambil tempatnya di hadapan jemputan-jemputan khas. Istiadat menyalang Datuk Undang Luak Rembau disempurnakan dengan pembacaan doa oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Hj. Othman Undang Luak Rembau Ke-21.

Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman telah diputerakan pada 14 Ogos 1941 di Kampung Waris Tebat, Rembau, Negeri Sembilan. Ibunya, Terinah bt. Maarof daripada suku Biduanda Jakun, waris Lela Maharaja Kampung Tebat. Bapanya Haji Othman bin Ibrahim daripada suku Biduanda Setia. Haji Muhamad Sharif ialah anak ketiga daripada empat orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Siti Ramlah bt. Haji Yunus daripada suku Mungkal Bukit, Kampung Sepri pada 9 Jun 1962. Pasangan ini telah dikurniakan lima orang putera. Tiga orang daripadanya telahpun mendirikan rumahtangga dan mereka telah mendapat empat orang cucu. Puteranya yang bongsu masih di alam persekolahan.

Haji Muhamad Sharif mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sepri, Rembau dari tahun 1949 hingga 1951. Kemudian meneruskan pembelajarannya di Undang Rembau Primary School dari tahun 1955 sehingga ke tingkatan empat pada tahun 1958. Pada tahun 1959 beliau telah meneruskan pelajarannya di Goon Institution, Kuala Lumpur.

Setelah tamat zaman persekolahannya, Haji Muhamad Sharif telah memulakan kerjayanya sebagai Juruteknik Awam di Jabatan Kerja Raya mulai 1 Disember 1960. Antara tempat yang beliau pernah bertugas ialah Kuala Kubu Baharu, Rawang, Kuala Selangor, Seremban dan Rembau. Pada tahun 1981 beliau telah menukar kerjayanya ke Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan sehingga bersara pada tahun 1991. Selepas bersara daripada jawatan kerajaan, Haji Muhamad Sharif telah dilantik sebagai Pengurus Projek Syarikat Seleksi (M) Sdn. Bhd., Fajar Baru (Rembau) Sdn. Bhd., D.J. Water Sdn. Bhd. dan Syarikat Qalam Dinar.



Balai kediaman Datuk Undang Luak Rembau di Kampung Sepri, Rembau.

Muhamad Sharif seorang yang aktif dalam kegiatan politik dan sosial. Beliau telah memegang beberapa jawatan termasuklah:

- Ketua Pemuda UMNO Cawangan Sepri
- Setiausaha UMNO Cawangan Sepri
- Perwakilan UMNO ke Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Seremban/Telok Kemang.
- Timbalan Ketua UMNO Cawangan Sepri
- Penceramah tetap pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kawasan Terentang/Chembong
- Ahli Jawatankuasa Peti Undi Sepri
- Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Kampung Sepri
- Pengerusi Belia 4B Sepri
- Naib Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Sepri
- Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pembangunan Daerah Rembau
- Ahli Jawatankuasa Desa Wawasan Kampung Sepri

- Ahli Jawatankuasa Homestay Kampung Sepri
- Ahli Jawatankuasa Permuafakatan Sekolah Bestari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja, Rembau
- Naib Yang Dipertua PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja, Rembau.
- Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Ulu Sepri
- Setiausaha Tanah Pinggir Sungai Beringin, Pedas (RISDA)
- Setiausaha Masjid Ulu Sepri
- Timbalan Yang Dipertua Khairat Kematian Kampung Sepri
- Ahli Jawatankuasa Malayan Technical Service Union
- Presiden Persatuan Kerja Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan.

Antara Kursus yang pernah dihadiri ialah:

- Kursus INTAN di Kluang, Johor dan Bukit Kiara, Kuala Lumpur
- Bina Semangat di Port Dickson
- Kursus di Kem Mahmud, Kelantan
- Kursus di Pusat Daya Pengeluaran Negara

Antara guru yang pernah mengajar beliau ialah Dato' Prof. Dr. Hj. Kamarudin bin Hj. Kachar dan Dato' Prof. Mustafa Kamal bin Yassin.

**Datuk Lela Maharaja
Haji Muhamad Sharif
bin Othman, Undang
Luak Rembau ke-21,
di Pejabat Balai
Undang Luak Rembau
Rembau.**



Pada tahun 1996, Muhamad Sharif telah diisytiharkan oleh Datuk Sedia Raja Hj. Adnan Undang Luak Rembau ke-20 sebagai penyandang pusaka Datuk Syahbandar, Orang Besar Undang, Waris Gedang, bagi mengisi kekosongan pusaka tersebut. Pusaka Datuk Syahbandar ialah pusaka yang terkanan antara empat Orang Besar Undang. Pada 21 November 1998, bertepatan jam 10.40 pagi, Datuk Purba Yahaya, telah mengisytiharkan Datuk Syahbandar Haji Muhamad Sharif sebagai penyandang pusaka Undang Luak Rembau ke-21 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja dan dikerjankan pada 2 Disember 1999 di Kampung Sepri, Rembau.

Nota Kaki:

- ^{1.} Pada ketika itu Rembau bertaraf subdaerah di bawah pentadbiran daerah Tampin. Pegawai yang bertanggungjawab atas subdaerah Rembau ialah Penolong Pegawai Daerah.
- ^{2.} Menurut *Sabda Pemasyhuran Undang Luak Rembau ke-20*, bertarikh 16 Mei 1996, gelaran penuh pusaka ini ialah Datuk Sedia Lela Perdana. Sebelum *Pemasyhuran* tersebut pusaka ini bergelar Datuk Purba. Mulai 20 Februari 1999 gelaran Datuk Sedia Lela Perdana ini ditukar semula kepada gelaran asalnya, Datuk Purba. Pertukaran ini dilakukan oleh Undang Luak Rembau ke-21. Mulai tarikh itu juga semua gelaran pusaka yang diberi gelaran baru dalam *Pemasyhuran* 16 Mei 1996 tersebut ditukar semula menggunakan gelaran asalnya.
- ^{3.} Dialek Negeri Sembilan menyebut istilah ini sebagai *kerojan* yang bermaksud 'kerajaan' dalam bahasa baku.
- ^{4.} Rembau dikatakan sebagai 'tanah kerjan' kerana di Rembau, khususnya di Penajis ialah tempat menabalkan empat orang Yamtuan (Yang Dipertuan) iaitu Raja Melewar (1720-an), Raja Hitam (1795), Raja Lenggang Laut (1808) dan Raja Labu (1826) (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:337-340).
- ^{5.} 'Tanah Mengandung' di sini bermaksud kawasan tempat tinggal atau menetapnya (bersemayam) Yamtuan. Sebelum perlantikan Raja Radin sebagai Yamtuan dalam tahun 1820, keempat-empat Yamtuan sebelumnya ditabalkan di Penajis, Rembau. Selepas ditabalkan barulah Yamtuan dibawa dan menetap di Seri Menanti.

Bibliografi

Norhalim Hj Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995.

Abas Hj. Ali, *Rembau Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya*. Rembau: Jabatan Undang dan perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau. 1953.

GAMBAR RAJAH 1

Senarai Penghulu (Undang) Luak Rembau

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Waris</u>	<u>Kampung memerintah</u>	<u>Tahun</u>
1.	Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540 - 1555
2.	Ambo @ Amba (Sedia Raja)	Jawa	Tanjung	1555 - 1605
3.	Lenggang @ Fenggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605 - 1620
4.	Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620 - 1645
5.	Uban @ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1654 - 1660
6.	Sagah (Sedia Raja)	Jawa	-	1660 - 1690
7.	Kurap (Sedia Raja)	Jawa	-	1690 - 1725
8.	Sabat @ Sobok (Sedai Raja)	Jawa	-	1725 - 1750
9.	Lulinsoh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1750 - 1790
10.	Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790 - 1795
11.	Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebat	1795 - 1812
12.	Bogok @ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812 - 1819
13.	Ngonit @ Nganit @ Reneh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819 - 1843
14.	Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843 - 1872
15.	Haji Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1972 - 1883
16.	Serun bin Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883 - 1905
17.	Hj. Sulung b. Meah (Lela Maharaja)	Jakun	Gadong	1905 - 1922
18.	Abdullah bin Hj. Dahan (Sedia Raja)	Jawa	Tanjung	1922 - 1938
19.	Haji Ipap bin Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938 - 1962
20.	Haji Adnan bin Ma'ah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1962 - 1998
21.	Haji Muhamad Sharif bin Hj. Othman (Lela Mahajara)	Jakun	Tebat	1998 -

Sumber: Dipadankan daripada Norhalim Hj. Ibrahim, 1995 : 330.

GAMBAR RAJAH 1

Senarai Penghulu (Undang) Luak Rembau

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Waris</u>	<u>Kampung memerintah</u>	<u>Tahun</u>
1.	Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540 - 1555
2.	Ambo @ Amba (Sedia Raja)	Jawa	Tanjung	1555 - 1605
3.	Lenggang @ Fenggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605 - 1620
4.	Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620 - 1645
5.	Uban @ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1654 - 1660
6.	Sagah (Sedia Raja)	Jawa	-	1660 - 1690
7.	Kurap (Sedia Raja)	Jawa	-	1690 - 1725
8.	Sabat @ Sobok (Sedai Raja)	Jawa	-	1725 - 1750
9.	Lulinsoh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1750 - 1790
10.	Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790 - 1795
11.	Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebat	1795 - 1812
12.	Bogok @ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812 - 1819
13.	Ngonit @ Nganit @ Reneh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819 - 1843
14.	Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843 - 1872
15.	Haji Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1972 - 1883
16.	Serun bin Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883 - 1905
17.	Hj. Sulung b. Meah (Lela Maharaja)	Jakun	Gadong	1905 - 1922
18.	Abdullah bin Hj. Dahan (Sedia Raja)	Jawa	Tanjung	1922 - 1938
19.	Haji Ipap bin Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938 - 1962
20.	Haji Adnan bin Ma'ah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1962 - 1998
21.	Haji Muhamad Sharif bin Hj. Othman (Lela Mahajara)	Jakun	Tebat	1998 -

Sumber: Dipadankan daripada Norhalim Hj. Ibrahim, 1995 : 330.